

18 APR 2002

Mahathir-Gaddafi (Bergambar)/I

DR MAHATHIR JUMPA GADDAFI DI TRIPOLI

Oleh: Mohd Arshi Daud/Khaidzir Md Yunus

TRIPOLI, 18 April (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berjumpa dengan pemimpin Libya Muammar Gaddafi di Bab Al-Aziziyah, kediaman rasmi pemimpin Libya itu di sini.

Perdana Menteri melakukan kunjungan sejurus selepas tiba di Lapangan Terbang Tentera Mitiga dari Maghribi.

Kedua-dua pemimpin mengadakan perbincangan tertutup selama sejam dengan kawalan ketat tentera dan pengawal Gaddafi.

Jurugambar dari Malaysia dan media tempatan bagaimanapun diberi peluang singkat untuk merakam pertemuan tersebut.

Dr Mahathir diiringi Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar, Menteri Kerja Raya Datuk Seri S. Samy Vellu, Menteri Pembangunan Usahawan Datuk Seri Nazri Aziz dan Menteri Pembangunan Wanita dan Keluarga Datuk Shahrizat Abdul Jalil.

Turut menyertai rombongan itu ialah Menteri Besar Pahang Datuk Seri Adnan Yaakob, Menteri Besar Johor Datuk Abdul Ghani Othman dan Ketua Menteri Pulau Pinang Tan Sri Koh Tsu Koon.

Dr Mahathir kemudian melawat kesan kemusnahan akibat serangan jet pengebom Amerika Syarikat tidak jauh dari tempat pertemuan itu diadakan.

Sasaran yang musnah dalam serangan pada 1986 itu adalah kediaman Gaddafi.

Lawatan tiga hari Dr Mahathir itu adalah atas jemputan Gaddafi.

Dagangan antara Malaysia dan Libya tahun lepas berjumlah RM19.6 juta dengan nilai eksport Malaysia berjumlah RM14.7 juta manakala import berjumlah RM4.9 juta.

-- BERNAMA

KHY MAD DC MOZ